

Malaysia, Singapura peringkat kerjasama menerusi CSP

Jun 28, 2022 @ 8:45pm



Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah (kanan) bersama rakan sejawatanya dari Australia, Penny Wong, ketika menerima kunjungan hormat Menteri Luar Australia itu di Wisma Putra hari ini. - Foto BERNAMA

PUTRAJAYA: Malaysia dan Australia mengesahkan komitmen untuk saling meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang yang menjadi kepentingan bersama, didorong Perkongsian Strategik Komprehensif (CSP).

Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah, berkata dan rakan sejawatannya dari Australia, Penny Wong, membincangkan secara mendalam mengenai pelbagai bidang pertumbuhan positif yang mampu dicapai di bawah CSP.

Bidang itu termasuk ekonomi, hubungan rakyat dengan rakyat, teknologi serta kestabilan dan keselamatan di rantau ini, terutama dalam tempoh pasca pandemik COVID-19.

"Kami menzahirkan kegembiraan terhadap perkembangan positif dalam hubungan kerjasama pelbagai bidang, terutama dalam tempoh pasca pandemik COVID-19.

"Malaysia yakin semua usaha sama di bawah perkongsian itu akan menyumbang secara signifikan ke arah menyokong rantau ini kembali bangkit berdepan cabaran akibat wabak itu," katanya pada sidang media bersama Wong di pejabatnya di sini, hari ini.

Terdahulu, Saifuddin dan Wong mengadakan mesyuarat dua hala yang merangkumi perbincangan mengenai pelbagai topik berkaitan kedua-dua negara serta mengenai isu semasa serantau dan global. Malaysia dan Australia meningkatkan hubungan dua hala mereka kepada CSP pada Februari 2021.

Australia juga mewujudkan Perkongsian Komprehensif dengan ASEAN pada tahun lalu.

Saifuddin berkata, ekonomi digital dan keselamatan siber adalah antara bidang utama yang perlu diperkuuhkan kedua-dua negara.

"Perdagangan dua hala Malaysia-Australia pada 2021 berjumlah AS\$14 bilion, meningkat 30 peratus berbanding 2020," katanya sambil menambah ada cara untuk meningkatkan jumlah itu.

Katanya, hubungan rakyat dengan rakyat adalah antara bidang yang boleh diperluaskan memandangkan bilangan besar pelajar Malaysia di Australia, kira-kira 12,000 pada masa ini.

Saifuddin turut mengambil maklum kedudukan Australia dalam bantuan kemanusiaan yang disalurkan kepada Myanmar.

Sementara itu, Wong mengulangi kenyataan Saifuddin, Malaysia dan Australia akan berusaha membawa momentum lebih besar kepada perkongsian itu untuk bergerak lebih maju.

Beliau berkata, Australia bersedia untuk terus menjadi pembekal gandum dan daging kepada Malaysia, terutamanya di saat gangguan bekalan global.

"Sebagai rakan strategik komprehensif, kami akan bekerjasama dengan Malaysia dalam sebarang isu membabitkan kekangan bekalan yang timbul akibat konflik (Ukraine-Russia)," katanya.

Sebagai sebahagian daripada lawatan kerja tiga harinya ke Malaysia, Wong anak kelahiran Sabah juga akan bertemu dengan Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, dan Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, sebelum ke Kota Kinabalu esok.

Sebelum tiba di Malaysia, Wong mengadakan kunjungan ke Vietnam.

Selepas pelantikannya sebagai menteri luar pada awal bulan ini, beliau ke Indonesia bersama Perdana Menteri Australia, Anthony Albanese. – BERNAMA